

Banjir di Kerian pulih

IPOH - Keadaan banjir di daerah Kerian akhirnya pulih apabila 338 mangsa daripada 98 keluarga telah dibenarkan pulang ke rumah, semalam.

Ekoran itu, tiga pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak menempatkan 139 orang, SK Bukit Merah (172) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Simpang 5 (27) telah ditutup.

Pegawai Daerah, Datuk Hamzah Hussin berkata, tiga pusat berkenaan ditutup secara rasmi sekitar 5 petang.

"Kesemua mangsa banjir sudah selamat pulang ke rumah masing-masing.

"Oleh itu, secara rasminya operasi Bilik Gerakan Bencana Banjir Daerah Kerian dihentikan mulai jam 7.00 petang ini," katanya.

Beliau turut merakam penghargaan kepada semua pihak termasuk sukarelawan yang bekerjasama dalam operasi berkenaan.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan SK Bukit Merah menempatkan mangsa dari 10 kampung iaitu Kampung Batu 38, Kampung Batu 40, Parit Abu Hasan Ban, Kampung



Zambry menziarah mangsa banjir yang ditempatkan di SK Bukit Merah, malam kelmarin.

Beriah, Parit Ali Kalang, Parit Lebai Kadir, Parit Mat Keling, Parit Air Hitam 2, Parit Simpang 5 dan Parit Simpang 4.

SK Changkat Lobak pula menempatkan mangsa dari Kampung Permatang Tengah dan Kampung Air Hitam sementara mangsa dari Ladang Eow Seng dan Kampung Tersusun Tali Air Simpang 5 ditempatkan di SJKT Tamil Simpang 5.

Sebelum itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, kerajaan negeri akan membuat semakan dari semasa ke semasa mengenai perkembangan taburan hujan

termasuk di kawasan kerian.

"Kita akan maklumkan kepada jabatan yang bertanggungjawab khususnya pegawai daerah kerana mereka merupakan pengerusi bencana daerah apabila menghadapi taburan hujan yang lebat.

"Malah saya nak ingatkan penduduk khususnya yang tinggal berhampiran sungai supaya ambil langkah berjaga-jaga dan buat persiapan awal untuk pindah jika berlaku hujan lebat," katanya selepas majlis Penyerahan Bantuan Pinjaman Induk Tanpa Faedah (PINTAF) dan Pembangunan Padang Ragut di sini, semalam.